

Pakej rangsangan kedua negara bagi menghadapi ekonomi suram

Suntikan tambahan RM60 bilion

KUALA LUMPUR - Kerajaan mengumumkan suntikan tambahan RM60 bilion menerusi satu lagi pakej untuk merangsang sektor penting dalam ekonomi negara bagi memelihara kebajikan dan kesejahteraan rakyat.

Peruntukan itu dijangka dapat membantu negara menghadapi kesuraman ekonomi ekoran kegawatan global.

Ketika membentangkan pakej rangsangan itu di Dewan Rakyat semalam, iaitu yang kedua seumpamanya dalam tempoh lima bulan, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, pakej untuk tempoh dua tahun itu mengandungi empat teras.

Pertama, mengurangkan pengangguran dan menambah peluang pekerjaan; kedua, meringankan beban rakyat terutama golongan mudah terjejas; ketiga, membantu sektor swasta menghadapi krisis; dan keempat, membina keupayaan masa depan.

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan beriltizam untuk melakukan segala yang termampu untuk mengukuhkan keyakinan rakyat dan meringankan keperitan terutama kepada mereka yang mudah terjejas.

"Memandangkan senario ekonomi global yang meruncing, maka pakej rangsangan kedua ini perlu bersifat lebih komprehensif dan bersaiz besar yang menjangkau lebih banyak sektor ekonomi dan kumpulan sasaran. Ini termasuk pekerja, pengguna, pelabur, peniaga kecil dan sederhana, pengeksport dan graduan menganggur," katanya.

Najib mengumumkan pakej itu,



PERDANA Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bersalaman dengan timbalannya, Mohd. Najib selepas pembentangan Bajet Mini di Dewan Rakyat, Kuala Lumpur semalam.

yang dianggap sebagai bajet mini, semasa membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2009 bagi bacaan kali kedua di Dewan Rakyat.

Pada 4 November lalu, kerajaan mengumumkan pakej rangsangan pertama bernilai RM7 bilion, yang menurut Najib, sejumlah RM6.5 bilion daripadanya telah diagihkan untuk pelaksanaan projek-projek.

Najib seterusnya mengakui Malaysia berhadapan dengan situasi ekonomi yang amat mencabar dalam senario ekonomi global yang begitu meruncing hingga mengakibatkan unjuran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dijangka berada dalam lingkungan negatif satu peratus hingga positif satu peratus bagi

2009.

Bagi menangani pengangguran, peruntukan pakej itu akan disalurkan ke arah menyediakan 163,000 peluang latihan dan pekerjaan, membiayai kos pengajian bagi program peringkat sarjana dan kedoktoran falsafah serta memberi insentif potongan cukai kepada majikan yang mengagih pekerja yang diberhentikan.

Menurut Najib, kerajaan akan mengambil 63,000 kakitangan untuk mengisi kekosongan jawatan, termasuk 13,000 jawatan pegawai kontrak.

Peluang pekerjaan lain ialah 4,000 tenaga kerja untuk skim perkhidmatan singkat, 1,000 siswazah sebagai guru kontrak, 800 pekerja kontrak bagi Program Cari di bawah Kementerian Pambangu-

nan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 1,000 pembantu kesihatan kontrak, 4,500 pegawai banci kontrak, serta 1,700 jururawat dan kakitangan sokongan hospital.

Tenaga kerja skim perkhidmatan singkat dengan kelayakan minimum Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) akan menerima gaji RM1,200 sebulan manakala guru kontrak siswazah dibayar gaji RM2,000 sebulan.

Bagi membantu siswazah menganggur, sebanyak RM700 juta diperuntukkan bagi program latihan sambil bekerja iaitu 1,000 graduan dalam sektor kewangan manakala 2,000 orang lagi di syarikat berkaitan kerajaan (GLC) terutama sektor perkhidmatan seperti penyumberan luar, penerbangan, utiliti, kesihatan dan multimedia kreatif.

Syarikat swasta yang menggaji pekerja yang telah diberhentikan dalam tempoh 10 Mac hingga 31 Disember 2010 diberi potongan cukai dua kali ke atas amaun gaji yang dibayar.

Amaun potongan yang layak tidak melebihi RM10,000 sebulan dan terhad kepada 12 bulan gaji untuk setiap pekerja.

Kerajaan akan menampung kos yuran pengajian dan bahan penyelidikan sebanyak RM20,000 bagi setiap pelajar di peringkat kedoktoran falsafah dan RM10,000 bagi sarjana.

Sebanyak 500 tempat bagi ijazah kedoktoran falsafah dan 10,000 bagi sarjana disediakan di institusi pengajian tinggi awam serta Universiti Tenaga Nasional, Universiti Multimedia dan Universiti Teknologi Petronas.

- Bernama



Reaksi pakar ekonomi dan NGO

☛ SUNTIKAN fiskal RM15 bilion dalam pakej rangsangan kedua RM60 bilion yang diumumkan kerajaan adalah langkah jangka pendek untuk memastikan pertumbuhan ekonomi negara tidak menguncup.

PROF. DR. MANSOR JUSOH
Pakar ekonomi dari UKM

☛ BERITA gembira kepada sekolah agama, sekolah rendah, sekolah mubaligh dan sekolah di pedalaman yang amat memerlukan suntikan untuk kemudahan asas seperti memperbaiki jalan raya ke sekolah.


LOK YIM PHENG
Setiausaha Agung NUTP

☛ KESATUAN mencadangkan agar kementerian mewujudkan Pegawai Teknikal di Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) bagi memantau keadaan fizikal sekolah untuk diperbaiki dengan segera.

MOHAMED SABRI MOHD. ARSAD
Presiden Kesatuan Guru-guru Melayu Malaysia Barat


PERUNTUKAN TERAS PAKEJ RANGSANGAN KEDUA

- Membantu sektor swasta menghadapi krisis (RM29 bilion)
- Membina keupayaan masa depan (RM19 bilion)
- Meringankan beban rakyat terutama golongan mudah terjejas (RM10 bilion)
- Mengurangkan pengangguran dan menambah peluang pekerjaan (RM2 bilion)



SUMBER PERUNTUKAN

- RM25 bilion dana pinjaman
- RM15 bilion adalah dalam bentuk suntikan fiskal
- RM10 bilion pelaburan ekuiti
- RM7 bilion insentif pembiayaan swasta (PFI)
- RM3 bilion insentif cukai



JUMLAH: RM60 bilion

SEKILAS BAJET MINI

- Kerajaan akan melaksanakan Pakej Rangsangan berjumlah RM60 bilion dan dilaksanakan dalam tempoh dua tahun iaitu 2009 dan 2010.
- **Teras pertama** mengurangkan pengangguran, tambah peluang pekerjaan.
- Mewujudkan 163,000 peluang latihan dan penempatan pekerjaan di sektor awam dan swasta dengan peruntukan sebanyak RM700 juta.
- 50,000 jawatan kosong di peringkat profesional dan sokongan dalam perkhidmatan awam Persekutuan. Sebanyak 13,000 pekerjaan untuk pegawai secara kontrak di agensi kerajaan.
- **Teras kedua** meringankan beban rakyat dengan menyediakan peruntukan tambahan sebanyak RM674 juta subsidi untuk mengelakkan kenaikan harga bahan makanan harian seperti gula, roti dan tepung.
- Menyediakan peruntukan RM480 juta supaya kadar tol tidak dinaikkan.
- Pembeli rumah diberikan pelepasan cukai bagi faedah yang dibayar untuk pinjaman perumahan sehingga RM10,000 setahun selama 3 tahun.
- Dana RM1.6 bilion untuk menggalakkan pelaburan.
- Peruntukan tambahan sebanyak RM200 juta bagi kerja-kerja membaiki longkang yang tersumbat dan rosak, menyelenggara jalan raya.
- Kerajaan akan menerbitkan Bon Simpanan Kerajaan berasaskan syariah berjumlah RM5 bilion tahun ini.
- RM1.95 bilion untuk membina dan menambah baik kemudahan 752 sekolah, terutama di kawasan luar bandar serta Sabah dan Sarawak, di mana RM300 juta akan digunakan untuk menambah baik kemudahan sekolah agama bantuan kerajaan, sekolah jenis kebangsaan (SJK) Cina dan SJK Tamil dan mission school.
- **Teras ketiga** membantu sektor swasta menghadapi krisis dengan menyediakan peruntukan tambahan sebanyak RM200 juta kepada Dana Pembangunan Automotif.
- Pemilik sebarang jenama kereta Proton atau Perodua yang ingin melupuskan kereta mereka yang berusia 10 tahun atau lebih akan menerima diskaun bernilai RM5,000 untuk membeli kereta baru.
- **Teras keempat** membina keupayaan masa depan dengan meningkatkan dana pelaburan Khazanah Nasional Berhad sebanyak RM10 bilion.
- Peruntukan sebanyak RM20 juta disediakan kepada RTM untuk melaksanakan beberapa projek untuk mengembangkan seni muzik tempatan.